

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **Latar Belakang Kajian**

Kurikulum merupakan rancangan pendidikan yang sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan sejajar dengan kemajuan masyarakat dan negara. Perkembangan dan perubahan kurikulum sememangnya perlu disebabkan masyarakat, murid, sumber serta inovasi pengajaran sentiasa berubah dari semasa ke semasa (Desimone, 2002; Fullan, 2001; Kelly, 1999; Marsh & Willis, 2007; Wilgoose, 1979). Perubahan yang berlaku juga perlu bersifat dinamik dan responsif supaya relevan dengan sistem di sesebuah negara (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003, 2008; Sharifah Maimunah Syed Zin, 2007).

Di Malaysia, bagi memastikan kurikulum kebangsaan berkembang sejajar dengan perubahan zaman, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum atau PPK (kini dikenali dengan Bahagian Pembangunan Kurikulum atau BPK) membuat semakan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Semakan terhadap kurikulum yang diguna pakai oleh sistem persekolahan pada peringkat rendah dan menengah di Malaysia sejak tahun 1983 bagi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), dan 1989 bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), bermula sekitar tahun 2000. Kurikulum semakan tersebut mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan memberi penekanan kepada kualiti kandungan serta asas strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian dengan tuntutan pendidikan pada masa kini dan masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Salah satu daripada kurikulum yang wajib diikuti dan dipelajari oleh semua murid di sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas ialah kurikulum Pendidikan Jasmani (Akta Pendidikan, 1996). Daripada perspektif antarabangsa, kurikulum ini mempunyai evolusi yang tersendiri (Siedentop, 2007; Wilgoose, 1979; Wuest & Bucher, 2009). Kurikulum Pendidikan Jasmani telah mengalami banyak perubahan sejak mula diperkenalkan. Pada mulanya kurikulum ini berkonsepkan gimnastik yang menekankan unsur-unsur kekuatan, kelenturan dan ketangkasan, dan kemudian beralih kepada senaman, kecergasan serta latihan yang dapat meningkatkan daya tahan kardiovaskular (Cowell & France, 1963; Van Dalen & Bennet, 1971; Wilgoose, 1979; Wuest & Bucher, 2009). Kini, kurikulum Pendidikan Jasmani memberi penekanan kepada pendidikan melalui aktiviti fizikal di samping penerapan nilai-nilai murni dalam sosial dan emosi individu (Lumpkin, 2002; Rusli Lutan, 2001; Silverman & Subramaniam, 1999; Steinhardt, 1992; Wilgoose, 1979; Wuest & Bucher, 2009). Sumbangan dari Pendidikan Jasmani yang berkualiti bukan sahaja dapat membantu murid menjadi cergas, tetapi mampu meningkatkan daya pemikiran dan keyakinan di samping memberi impak yang mendalam terhadap kesihatan dan hayat perkembangan seseorang kanak-kanak (Steinhardt, 1992; Stirling & Belk, 2002; Wilgoose, 1979; Wuest & Bucher, 2009). Penekanan terhadap memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif (Darst & Pangrazi, 2006; Gallahue, 1996; Johnson, 2007; Siedentop, 2007; Wuest & Bucher, 2006) juga terkandung dan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

## **Pernyataan Masalah**

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang berkualitas memberi kesan kepada pertumbuhan dan perkembangan murid-murid untuk kehidupan sepanjang hayat (De Vries, 2004; Graber, 2001; Hickson & Fishburne, 2002; Lumpkin, 2002; Mosston & Ashworth, 2002; Rusli Lutan, 2001; Siedentop, 2007; Stirling & Belk, 2002; Wilgoose, 1979; Wuest & Bucher, 2009). Namun, data peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum seperti yang dihasratkan, tidak dilihat sebagai sesuatu yang penting (Corby, Halas, Dixon, Wintrup & Jantzen, 2005; Hardman & Marshall, 2000; Johns & Dimmock, 1999; Olofsson, 2003). Aspek yang seharusnya dipatuhi oleh guru berdasarkan kurikulum yang digubal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran semakin dipinggirkan di kebanyakan sekolah di dunia. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang yang ketara antara perkara yang diajar dengan perkara yang seharusnya murid pelajari (Bailey & Dismore, 2004; Corby et al., 2005; DeVries, 2004; Hardman, 2006; Hardman & Marshall, 2000; Johns & Dimmock, 1999; Olofsson, 2003; Wee Eng Hoe, 2003).

Tinjauan yang dijalankan oleh Hardman dan Marshall (2006) terhadap 35 buah negara Eropah mendapati satu pertiga daripada negara tersebut tidak menghiraukan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa empat belas buah negara (100% di Timur Tengah, 67% di Amerika Tengah dan Amerika Latin, dan 66% di Afrika), sering membatalkan kelas-kelas Pendidikan Jasmani dan menggantikannya dengan mata pelajaran peperiksaan yang lain. Selain itu, laporan yang ditulis oleh Deacon (2001) untuk Kementerian Pelajaran British Columbia menyatakan bahawa

pelajar gagal memenuhi matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani disebabkan kekurangan masa yang diperuntuk untuk mata pelajaran ini. Perkara yang sama juga berlaku di negara-negara di Asia. Status kurikulum ini tidak dianggap penting. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah anggapan masyarakat bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani dianggap tidak menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara di sebabkan budaya masyarakat Asia yang tidak berorientasikan sukan (De Vries, 2003).

Kajian-kajian yang dijalankan mendapati bahawa guru tidak melaksanakan Pendidikan Jasmani dengan baik disebabkan kurangnya pengetahuan dalam bidang tersebut (*National Association for Sport and Physical Education* atau NASPE, 2001), saiz kelas yang besar, dan kurang kemudahan infrastruktur serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan (Chad, Humbert & Jackson, 1999; De Vries, 2004; Thomas & Beaudoin, 2002). Masalah menjadi lebih getir apabila guru yang telahpun menjalani latihan untuk mengajar Pendidikan Jasmani, masih menghadapi masalah melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani seperti yang dihasratkan dalam kurikulum kebangsaan. Kajian yang dijalankan oleh Corby et al. (2005) dan Cummiskey (2007) mendapati bahawa guru Pendidikan Jasmani tidak mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan sekiranya tiada mendapat kerjasama dari murid, ibu bapa dan pentadbir sekolah itu sendiri. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat penurunan peratusan murid-murid yang mendaftar untuk mata pelajaran ini (Cameron, Craig, Coles & Cragg, 2003; Spence, Mandigo, Poon & Mummary, 2001) dengan peratusan yang tinggi dalam

kalangan murid-murid di sekolah menengah (Cummiskey, 2007; Pennington & Krouscas, 1999).

Keadaan yang sama berlaku di Malaysia di mana Pendidikan Jasmani dipinggirkan di samping menghadapi krisis penurunan kepentingan yang begitu mendadak dalam keghairahan mengejar pencapaian dalam peperiksaan. Daripada satu mata pelajaran yang diperuntukan waktu pembelajaran secara formal, kini pelaksanaannya kian terhad tanpa diberikan status yang sewajarnya (De Vries, 2003; Salleh Abd. Rashid, 2000; Wee Eng Hoe, 2002; Zuber Hassan, 2004). Keadaan menjadi semakin membimbangkan apabila masyarakat Malaysia sendiri tidak mengambil berat akan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani disebabkan bukan merupakan mata pelajaran peperiksaan dan membawa merit dalam sistem pemarkahan di sekolah (De Vries, 2004; Salleh Abd. Rashid, 2000; Zuber Hassan, 2004). Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani juga dilaporkan tidak dijalankan secara komprehensif mengikut kandungan sukatan pelajaran. Terdapat guru-guru yang menjalankan permainan yang sama dari awal tahun sehinggalah ke akhir tahun dengan mengenyepikan tiga tunjang yang seharusnya dilaksanakan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani (De Vries, 2004; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007; Salleh Abd. Rashid, 2000). Lebih mengecewakan apabila ada dalam kalangan guru yang diamanahkan mengajar Pendidikan Jasmani kurang berminat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Perkara ini dibuktikan dengan kajian yang dilaporkan oleh Salleh Abd. Rashid (1994, 2000) tentang guru membekalkan sebiji bola, duduk berdekatan dengan pokok atau berada di dalam

bilik guru. Pada akhir pengajaran, guru sekadar meniup wisel untuk murid kembali ke kelas.

Selain itu, laporan pemantauan yang dijalankan oleh Unit Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan, Pusat Perkembangan Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri pada bulan Ogos 2007 terhadap dua buah negeri, iaitu di Kelantan dan Sabah, melaporkan bahawa kebanyakan sekolah di Sabah dan Kelantan tidak melaksanakan Pendidikan Jasmani berdasarkan sukatan pelajaran yang seharusnya diikuti. Keadaan ini sudah tentu menyebabkan murid tidak berpeluang mempelajari isi kandungan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Jasmani. Guru-guru Pendidikan Jasmani juga dilaporkan tidak menulis rancangan pengajaran, sebaliknya hanya menyatakan objektif pengajaran yang tidak eksplisit.

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang kurang mantap memberi ruang kepada guru-guru lain menggunakan waktu Pendidikan Jasmani untuk mengajar mata pelajaran lain khususnya dalam mengulang kaji mata pelajaran peperiksaan (De Vries, 2004; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Hal ini menjadi semakin rumit apabila proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah kurang mendapat perhatian daripada pihak pentadbir. Keadaan tersebut disebabkan oleh ukuran kecemerlangan pentadbir di sesebuah sekolah lazimnya tertumpu kepada pencapaian akademik bagi mata pelajaran peperiksaan. Hasil laporan penyelia Pendidikan Jasmani oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak (Wan Zamri Wan Muhamad, 2004), negeri Sabah dan Kelantan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007), terhadap sekolah-sekolah menengah di negeri-negeri tersebut mendapati bahawa guru yang mengajar Pendidikan

Jasmani terdiri daripada mereka yang kurang menguasai isi pelajaran, kurang pengalaman serta kurang kemahiran. Terdapat juga sekolah-sekolah yang tidak menyediakan kemudahan peralatan yang lengkap (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007) dan saiz kelas yang besar (Zuber Hassan, 1999) yang menjejaskan penawaran program Pendidikan Jasmani. Keadaan ini menyebabkan guru-guru yang bermotivasi tinggi terpaksa mengajar Pendidikan Jasmani dengan kemudahan dan peralatan yang paling minimum dan seterusnya membantutkan usaha melaksanakan Pendidikan Jasmani dengan sempurna di sekolah (Hamdan Ali, 2000).

Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan oleh Wee Eng Hoe (2003) melaporkan keputusan yang bertentangan dengan kajian-kajian yang dibincangkan di atas. Kajian beliau mendapati guru-guru mempunyai sikap yang positif dan dilaporkan tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah. Begitu juga dapatan kajian oleh Zuber Hassan (1999) yang menilai pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah rendah daripada aspek pencapaian objektif dan kesesuaian isi kandungan, strategi pelaksanaan, masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran, dan sikap guru terhadap mata pelajaran tersebut. Beliau mendapati responden memberikan persepsi bahawa kurikulum Pendidikan Jasmani mencapai objektif dan isi kandungannya. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa guru cenderung untuk menggunakan kaedah yang berpusatkan guru. Hasil kajian mendapati bahawa responden tidak menghadapi masalah, dan menunjukkan minat yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum itu. Kajian berbentuk tinjauan tersebut yang memerlukan responden memberikan

respons berdasarkan konstruk dalam soal selidik, menunjukkan kekurangan terhadap data sedemikian. Seperti yang ditekankan oleh Creswell (2008), “*survey data is self-reported information, reporting only what people think rather than what they do... they do not provide participants flexibility in responding to questions*” (hlm. 414). Dalam hal pelaksanaan kurikulum, data kuantitatif mungkin tidak menggambarkan dengan tepat situasi sebenar yang berlaku di sekolah. Seperti yang dirumuskan oleh Darling-Hammond dan Snyder (1992), “*reductions of experience to that which can be quantified always risk ignoring important factors that are not easily measured in favor of those that are, no matter how trivial they may be*” (hlm. 43). Perkara inilah yang dikhuatiri berlaku dalam kajian pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di negara ini sebelum ini.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memerihalkan dan memahami proses sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh guru di sekolah khususnya terhadap kurikulum semakan yang mula dilaksanakan pada tahun 2003 dan tamat kitarannya pada tahun 2007. Untuk tujuan tersebut, kajian telah menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan pelbagai kaedah kutipan data seperti pemerhatian, temu bual dengan guru dan murid, dan analisis dokumen yang berkaitan. Hal ini kerana terlalu kurang kajian yang dijalankan secara holistik, terperinci dan mendalam bagi menyiasat keadaan sebenar pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di Malaysia sedangkan kurikulum Pendidikan Jasmani merupakan kurikulum penting yang menitikberatkan dan mengambil kira ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif, dan afektif (Graber, 2001; McKenzie, Sallis, Prochaska, Conway, Marshall, & Rosengard, 2004; Steinhardt, 1992; Wuest & Bucher,



2009) dalam melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sealiran dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dan peranan yang dimainkan oleh guru terhadap pelaksanaan tersebut. Menurut Cummiskey (2007), pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum akan menjelaskan peranan yang dimainkan oleh guru dari aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Hasil daripada kajian pelaksanaan kurikulum yang sedemikian memberikan gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Johnson, 2007) khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancang kurikulum di peringkat pusat. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) agar memperkemas serta melengkapkan guru-guru pelatih beropsyen Pendidikan Jasmani di Institut-institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan guru pelatih dilengkapi dengan ilmu yang mencukupi tentang pengetahuan kandungan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran supaya mereka yakin dan bersedia untuk menjalankan tugas sebagai agen pelaksana kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah kelak.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian kualitatif ini ialah untuk memerihalkan dan memahami pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah menengah dengan

memberi fokus kepada peranan yang dimainkan oleh guru dalam ketiga-tiga fasa perancangan, penyampaian dan penilaian

### **Soalan Kajian**

Kajian ini cuba menjawab soalan yang berikut:

- (I). Apakah konsepsi guru terhadap kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1?
  - i. Apakah kepentingan kurikulum Pendidikan Jasmani mengikut guru?
  - ii. Bagaimanakah guru melihat peranan mereka dalam hal ini?
  
- (II). Bagaimanakah kurikulum Pendidikan Jasmani dilaksanakan oleh guru?
  - i. Apakah perancangan guru dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani?
  - ii. Apakah aktiviti yang dijalankan oleh guru dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani?
  - iii. Apakah bentuk penilaian yang diberikan dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani?

### **Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual atau kerangka teori yang mendasari kajian ini datangnya daripada perspektif pelaksanaan kurikulum. Seperti yang dirumuskan oleh Marsh dan Willis (2007), pelaksanaan sesebuah kurikulum dapat dikaji

dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu perspektif fideliti dalam pelaksanaan atau *fidelity of implementation perspective*, perspektif adaptasi atau *adaptation perspective* dan perspektif *enactment*. Oleh kerana aktiviti yang terkandung dalam Pendidikan Jasmani bersifat unik (Rusli Lutan, 2001), kompleks dan dinamik, perspektif adaptasi adalah lebih sesuai digunakan untuk melihat proses pelaksanaan kurikulum ini di sekolah (Cho, 1998).

Bagi kajian ini, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dilihat menerusi perspektif adaptasi yang melibatkan tiga elemen, iaitu jenis kurikulum (Cuban, 1992; Schmidt et al., 1996; Ruiz-Primo, 2006), dimensi kurikulum (Leithwood & Montgomery, 1980; Madaus & Kellaghan, 1992; Mortimer & Scott, 2000), dan adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum (Marsh & Willis, 2007).

Menurut Cuban (1992), jenis kurikulum boleh dikategorikan sebagai kurikulum yang dihasratkan atau *intended curriculum*, kurikulum yang diajar atau *taught curriculum* dan kurikulum yang dipelajari oleh murid atau *learned curriculum* (Cuban, 1992). Kurikulum yang dihasratkan merupakan kurikulum yang seharusnya murid-murid terima, digubal berdasarkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan isi kandungan, pedagogi atau kaedah pengajaran serta bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap umur serta kebolehan murid-murid (Cuban, 1992; Marsh & Willis, 2007; Schmidt et al., 1996). Di Malaysia, kurikulum yang dihasratkan untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan kurikulum yang termaktub dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran yang diajar secara formal atau tidak formal di bilik darjah dan di sekolah. Dalam konteks

kajian, kurikulum yang diajar merupakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani sebenar yang berlaku di bilik darjah. Manakala kurikulum yang dipelajari oleh murid merujuk kepada perkara yang murid peroleh daripada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Cuban, 1992; Marsh & Willis, 2007; Porter, 2004; Schmidt et al. , 1996).


Dimensi kurikulum pula terdiri daripada pegangan teori, kandungan atau bahan kurikulum, pemindahan pengajaran atau *instructional transactions*, dan hasil pembelajaran (Leithwood & Montgomery, 1980; Madaus & Kellaghan, 1992; Mortimer & Scott, 2000). Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanyalah terhadap pemindahan pengajaran oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum di sekolah. Dalam pemindahan pengajaran, guru berhadapan dengan tiga fasa yang terdiri daripada rangkaian perancangan, pelaksanaan atau penyampaian, dan penilaian (Darst & Pangrazi, 2006; Mosston & Ashworth, 2002; Orlich, Harder, Callahan, Trevisan & Brown, 2007). Fasa perancangan merupakan keputusan bertulis mengandungi perkara yang perlu dirancang sebelum pemindahan pengajaran dilakukan. Menurut Mosston dan Ashworth (2002), dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, perkara yang perlu difikirkan meliputi objektif pengajaran, pemilihan strategi dan kaedah, isi kandungan, aktiviti, peruntukan masa, dan pengurusan bilik darjah itu sendiri. Fasa pelaksanaan pula merupakan pemindahan pengajaran dan pembelajaran hasil daripada perancangan yang dilakukan. Manakala fasa penilaian pula merupakan perkara yang dilakukan oleh guru terhadap murid dalam menilai atau mentaksir perkembangan dan kemajuan mereka di samping menilai pemindahan pengajaran dan pembelajaran guru (Darst & Pangrazi, 2006; Mosston & Ashworth, Orlich et al., 2007).

Aspek adaptasi merupakan pengubahsuaian yang dilakukan oleh guru dalam memenuhi matlamat sesebuah kurikulum. Aspek adaptasi dalam pelaksanaan kurikulum boleh dilihat sama ada menerusi kaedah penyelidikan kuantitatif atau kualitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian di bilik darjah serta temu bual dalam kalangan guru, pentadbir, murid dan warga sekolah serta analisis dokumen yang berkaitan. Kaedah ini telah digunakan dalam kajian ini memandangkan kaedah ini mampu memerihail dan memahami secara mendalam akan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Pelaksanaan sesebuah program tidak dapat lari daripada melalui adaptasi berdasarkan proses rundingan *naturalistic (process of naturalistic negotiation)* dengan menghormati matlamat utama yang kehendaki oleh penggubal bagi mendapatkan kejayaan dalam pelaksanaannya (Berman & McLaughlin, 1976). Fullan (2001) telah menyenaraikan tiga faktor utama yang mempengaruhi kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah iaitu faktor yang memerlukan inovasi dalam perubahan seperti keperluan (*need*), kejelasan matlamat (*clarity*), kompleksiti atau kesukaran (*complexity*) dan kualiti serta praktikaliti (*quality and practicality*) sesebuah program; faktor yang dimainkan oleh individu tempatan (*local roles*) yang melibatkan daerah, komuniti setempat, pentadbir dan guru; dan faktor-faktor luaran (*external factors*) yang melibatkan pelaksanaan dasar dan polisi.

Perspektif adaptasi bertujuan untuk mengetahui adaptasi yang dilakukan oleh guru dalam pelaksanaan kurikulum yang berlaku dalam realiti sebenar (Marsh & Willis, 2007). Dan inilah salah satu daripada tujuan kajian, iaitu untuk mengetahui pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah dengan

memberi fokus kepada proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep: Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani dari Perspektif Adaptasi

### **Kepentingan Kajian**

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum memberi kefahaman tentang peranan yang dimainkan guru sebagai agen pelaksana kurikulum di sekolah seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan atau kurikulum perdana. Kajian sebegini juga penting ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa (Dusenbury, Brannigan, Falco and Hansen, 2003; Graber, 2001). Menurut Dusenbury et al. (2003), dengan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum, kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan dan kegagalan mampu dikenal pasti serta diatasi pada masa-masa yang akan datang. Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum juga membantu dalam mengetahui sama ada matlamat dan objektif yang ditetapkan dapat dipenuhi atau sebaliknya. Sekiranya tiada data yang diperolehi, sukar untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesebuah kurikulum (Dane & Schneider, 1998). Tambahan pula, sesebuah kurikulum yang dirangka melibatkan curahan masa, tenaga dan kepakaran (Fullan, 2001). Justeru, bagi mendapatkan maklum balas pelaksanaan kurikulum, wajar dijalankan kajian bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil demi kebaikan murid, guru, pentadbir dan masyarakat.

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani merupakan unsur penting yang perlu dikaji dari masa ke masa bagi mengetahui kejayaan dan kekangan pelaksanaannya. Hal ini kerana pelaksanaannya secara berkualiti mampu membangunkan potensi murid dari aspek perkembangan dan kecergasan fizikal, perkembangan motor, kognitif, sosial, emosi serta afektif (Corbin et al., 2000; NASPE, 2004a; Pete et al., 2005; Siedentop, 2007).

Kajian terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani ini juga penting dalam mengetahui dan memahami akan status kurikulum ini yang dilaporkan terpinggir. Hal ini wajar untuk diketahui bagi memberi pengetahuan kepada guru dan pentadbir serta masyarakat bahawa pelaksanaan yang berkualiti mampu menggalakkan perkembangan serta pertumbuhan yang positif dari aspek kecergasan fizikal, kemahiran, perkembangan sosial, serta emosi murid di sekolah yang akhirnya membawa ke arah gaya hidup sihat sepanjang hayat (AAHPERD, 1999; Kelly & Melograno, 2004; Siedentop, 2007). Di samping itu, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang berkualiti mampu menarik minat murid untuk melibatkan diri, dan hal ini perlu dititikberatkan kerana mempunyai perkaitan terhadap kejayaan akademik serta perkembangan kerjaya pada masa hadapan memandangkan Pendidikan Jasmani menyediakan pengalaman sosial dan kognitif yang menjurus kepada gaya hidup sihat sepanjang hayat (Berrett & Paton, 2006; Siedentop, 2007).

Selain itu, kajian terhadap pelaksanaan kurikulum ini juga penting bagi tujuan penambahbaikan khususnya dalam mengetahui perkara yang menyebabkan kurikulum ini tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Sedangkan, kurikulum ini merupakan landasan yang terbaik untuk melatih murid ke arah perkembangan individu yang syumul, selari dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Hasil kajian dapat membantu ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa khususnya kepada organisasi yang terlibat dalam mata pelajaran ini dan juga perancang kurikulum di peringkat pusat.



Kajian terhadap pelaksanaan kurikulum juga memainkan peranan penting dalam menyumbangkan maklumat bagi tujuan penambahbaikan polisi yang sedia ada. Maklumat yang diperolehi memberi kefahaman yang jelas terhadap perkara yang mendorong terhadap kejayaan pelaksanaan khususnya dari aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian (Cumiskey, 2007). Pelaksanaan kurikulum dianggap berjaya apabila guru melaksanakan seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan, dan kejayaan dalam pelaksanaan juga bergantung kepada adaptasi yang dilakukan berdasarkan persekitaran yang dihadapi (Berman & McLaughlin, 1976; Marsh & Willis, 2007; Snyder, Bolin & Zumwalt, 1992). Tanpa kajian dan pemerhatian yang berterusan, segala perubahan perancangan serta strategi pengajaran yang disarankan jarang menemui kejayaan seperti yang diinginkan oleh pihak yang berwajib (Ruiz-Primo, 2006).

Dapatan daripada kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada himpunan data tentang pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah di Malaysia. Hal ini kerana, terlalu kurang kajian-kajian dijalankan dalam memahami senario pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah (De Vries, 2004, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Data sedemikian boleh menjadi garis panduan kepada individu atau organisasi yang berkenaan seperti guru, pentadbir di sekolah, pensyarah-pensyarah Institusi Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha mereka memperkemas dan mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di negara kita.

### **Delimitasi Kajian**

Kajian terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum boleh dilihat menerusi tiga pendekatan iaitu dari perspektif fideliti, adaptasi dan *enactment* (Cho, 1998; Marsh & Willis, 2007; Snyder, Bolin & Zumwalt, 1992). Namun, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah dari perspektif adaptasi sahaja, iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi yang guru lakukan.

Tumpuan kajian hanyalah kepada tiga buah sekolah yang terletak di sekitar Lembah Klang. Sekolah-sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang pelbagai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani iaitu sekolah yang lengkap dari segi kemudahan seperti sekolah yang mempunyai padang, gelanggang dan gimnasium; sekolah yang sederhana dari aspek kawasan, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran; dan sekolah yang terhad kawasan dan kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Selain itu, kajian ini dijalankan tanpa mengkaji budaya sedia ada yang terdapat di sekolah-sekolah yang terlibat.

Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mempunyai perbezaan dari aspek pengalaman dan latihan yang mereka terima di peringkat ikhtisas. Namun, tiada usaha untuk mengkaji kurikulum pengajian ikhtisas semasa mereka belajar di institusi pengajian tinggi dahulu terutamanya bagi guru-guru opsyen.

### **Limitasi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang lazimnya melibatkan sampel yang kecil kerana dijalankan dalam latar semula jadi pada satu jangka masa yang panjang. Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru yang mengajar Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, selama tujuh bulan. Bilangan sampel yang kecil ini bermakna dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru yang mengajar Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 mahupun semua guru sekolah menengah. Namun, selaras dengan konsep generalisasi alternatif, iaitu *reader* atau *user generalizability* (Merriam, 2001) membiarkan sejauh mana dapatan kajian dapat diaplikasikan kepada situasi lain kepada orang atau pembaca yang berada di situasi itu. Generalisasi begini juga dipanggil “pemindahan kes kepada kes” (*case to case transfer*). Untuk itu pengkaji telah memberikan deskripsi yang cukup terperinci tentang konteks kajian untuk membolehkan pembaca membandingkan padanan (*fit*) dengan situasi mereka.

### **Definisi Istilah**

Beberapa istilah utama dalam kajian ini dihuraikan, iaitu pelaksanaan kurikulum, perspektif adaptasi dan dokumen rasmi.

#### ***Pelaksanaan Kurikulum***

Menurut Ornstein dan Hunkins (2004), kurikulum merupakan suatu dokumen perancangan. Pelaksanaan kurikulum oleh guru merujuk kepada cara

guru menterjemahkan kandungan dokumen tersebut (Dusenbury, Brannigan, Falco & Hansen, 2003; Marsh & Willis, 2007). Dalam konteks kajian, pelaksanaan kurikulum merujuk kepada pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 oleh empat orang guru di sekolah berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.

### ***Perspektif Adaptasi (Adaptation Perspective)***

Perspektif adaptasi merujuk kepada adaptasi dalam kurikulum yang dibuat oleh guru iaitu dengan mengambil kira konteks persekitaran seperti kemudahan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, minat dan kemahiran guru.

### ***Dokumen Kurikulum***

Dalam kajian ini, dokumen kurikulum merujuk kepada dokumen rasmi yang dihasilkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, termasuk Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan dan sekolah. Antara dokumen tersebut ialah Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran, buku rekod pengajaran, rekod ujian kecergasan dan rekod-rekod pentaksiran dan penilaian.

## **Organisasi Tesis**

Tesis ini mengandungi lima bab yang terdiri daripada bab pengenalan, sorotan kajian, metodologi kajian, dapatan kajian, serta perbincangan, implikasi dan cadangan. Bab satu memaparkan latar belakang kajian yang merangkumi

pernyataan masalah yang mendorong kepada tujuan kajian. Di dalam bab ini juga terdapatnya soalan kajian yang menggambarkan perkara yang dikaji. Selain dari itu, dijelaskan juga tentang kerangka konseptual yang mendasari kajian ini iaitu yang datangnya dari perspektif adaptasi (Marsh & Willis, 2007). Kerangka konseptual ini merupakan lensa yang digunakan dalam memerihalkan dan memahami pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang bersifat kompleks dan dinamik oleh empat orang peserta kajian yang terlibat.

Bab dua pula merupakan perbincangan kepada sorotan kajian yang berkaitan. Di dalamnya terkandung perbincangan berkaitan jenis-jenis kurikulum secara umum dengan perincian kepada jenis kurikulum yang dihasratkan, kurikulum yang diajar dan kurikulum yang dipelajari; asas kepada pelaksanaan sesebuah kurikulum; perkembangan kurikulum Pendidikan Jasmani dari peringkat antarabangsa dan di Malaysia; dan pendekatan dalam pelaksanaan kurikulum yang merangkumi perspektif fideliti, perspektif adaptasi dan perspektif *enactment*. Di samping itu, dibincangkan juga kajian-kajian lampau yang berkaitan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani dari rangkaian perancangan, penyampaian dan penilaian.

Di dalam bab tiga pula terkandung maklumat tentang reka bentuk kajian yang meliputi ciri-ciri yang menyebabkan reka bentuk ini digunakan, prosedur memilih tapak dan peserta kajian serta jangka masa kajian dijalankan. Perbincangan juga merangkumi kaedah pengumpulan data yang melibatkan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen yang berkaitan. Manakala bab empat pula merupakan perbincangan mengenai dapatan kajian bagi

menjawab soalan tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani oleh guru Tingkatan 1.

Akhirnya, di dalam bab lima iaitu bab yang terakhir, merupakan rumusan serta perbincangan kepada kajian ini. Di dalam bab ini juga dihuraikan implikasi kajian terhadap disiplin Pendidikan Jasmani, implikasi terhadap perancang kurikulum dan implikasi terhadap metodologi kajian. Selain itu, kajian ini juga telah mengusulkan beberapa cadangan ke arah penambahbaikan pada masa akan datang khususnya berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di Malaysia.